

Media : Kosmo

Date : 26Apr 2019

## Ajinomoto teruskan inisiatif masakan sihat



**SEBAHAGIAN** daripada kakitangan Ajinomoto yang menyertai kempen menggalakkan kaedah memasak berkhasiat dengan pengambilan sayur-sayuran di Kuala Lumpur baru-baru ini.

**SIHAT.** Ajinomoto (Malaysia) Bhd. (Ajinomoto) meneruskan inisiatif dalam memperluaskan kaedah memasak yang ringkas dan berkhasiat, 'Campur, Campur, Siap!' bagi menggalakkan pengambilan sayur-sayuran bersempena Bulan Pemakanan Malaysia 2019 (NMM) baru-baru ini.

Inisiatif tersebut bertujuan untuk memupuk orang ramai memenuhi keperluan pengambilan diet seimbang yang sihat dan secara konsisten. Ia diinovasikan kempen Pinggan Sihat Malaysia #SuKuSukuSeparuh yang diperkenalkan Kementerian Kesihatan Malaysia sejak Disember 2016 lalu.

Sebagai salah satu penaja utama NMM, Ajinomoto menawarkan pelbagai aktiviti menarik di ruangan Food Fit Fun Fair termasuk aktiviti masakan 'Campur, Campur, Siap!' antara ibu bapa dan anak, perkongsian maklumat Umami, demonstrasi memasak sayur labu, selain Kuiz Tonton dan Menang.

Selain itu, buku kanak-kanak bertajuk *Saya Suka Sayur-Sayuran* telah diterbitkan menerusi kerjasama antara Jawatankuasa NMM dan Ajinomoto. Ia dilengkapi dengan pelbagai informasi berguna dalam usaha mendidik kanak-kanak agar menghargai sayur-sayuran.